

Tindakan tujuh negara maju jejas seluruh dunia

Perang dagang punca sekatan

BN 20 APR 1987

'PERANG perdagangan' di kalangan negara-negara kaya menyebabkan timbulnya pelbagai sekatan menyeluruh, yang bukan sahaja membabitkan negara maju tetapi juga memberi kesan buruk terhadap negara miskin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hari ini keputusan tujuh negara maju untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan perdagangan di kalangan mereka baru-baru ini, tidak langsung mengambil kira kepentingan negara-negara lain.

Beliau berkata, negara-negara itu menilai semula mata wang Yen dan Deutsche Marks dan menukarkan nilai Dolar Amerika sebagai satu langkah mengatasi masalah mereka.

"Keputusan tujuh negara maju itu (Amerika Syarikat, Jepun, Britain, Perancis, Jerman Barat, Itali dan Kanada) menyebabkan kadar kenaikan pinjaman dalam mata wang Yen kepada 70 peratus di samping penurunan pen-

KUALA LUMPUR, Ahad

dapatan daripada hasil petroleum," katanya di majlis perasmian Sesi Kelima Majlis Interaksi (IAC) di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, petang ini. "Perkara yang sama juga dijangka berlaku kepada negara membangun lain," katanya.

Perdana Menteri berkata, keadaan demikian wujud kerana negara-negara maju hanya melihat masalah sendiri.

"Kita belum belajar untuk menerima kenyataan bahawa semua negara saling bergantung," katanya.

Galakan

Tidak ada negara di dunia ini yang mahu bergantung kepada bantuan semata-mata dan selama-lamanya. Setiap negara mahu mendapatkan kekayaan untuknya, kata beliau.

"Ini hanya boleh dilakukan jika sekatan-sekatan tertentu di segi perdagangan tidak wujud. Pelbagai galakan eksport bagi hasil pembuatan yang disediakan oleh negara-negara membangun akan hanya menguntungkannya, jika negara-negara maju membuka pasaran mereka," tambahnya.

Oleh itu, Perdana Menteri menegaskan, 'perang perdagangan' di kalangan negara-negara maju haruslah disekat supaya ia jangan sampai menjadi sekatan menyeluruh yang membabitkan negara-negara miskin, katanya.

Pada dasarnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir, usaha mengkayakan negara membangun akan membantu negara maju menjadi lebih kaya.

"Hakikatnya, kita tidak boleh lari daripada membeli barangan keluaran negara-negara maju. Semakin banyak wang ada untuk dibelanjakan, akan lebih banyak barangan yang kita beli daripada negara-negara maju," katanya.

Dalam hubungan inilah kita melihat Majlis Interaksi (IAC) boleh memainkan tugasnya kerana bekas-bekas ketua negara ini mempunyai pengaruh bagi mencari jalan mengatasi masalah ini, walaupun mereka tidak lagi memegang kuasa di negara masing-masing.

UM 20 APR 1987
MAHATHIR
YAKIN

DAPAT PERTAHANAN JAWATAN

ALUR SETAR 19 April —
Perdana Menteri, Datuk Sri
Dr. Mahathir Mohamad yakin
yang beliau akan dapat
mempertahankan jawatan
Presiden UMNO yang akan
dicabar oleh Menteri
Perdagangan dan
Perindustrian Tengku
Razaleigh Hamzah dalam
Perhimpunan Agung UMNO
24 April ini.

"Kalau saya tak konfiden
untuk mempertahankan
jawatan itu buat apa saya
bertanding," katanya ketika
ditanya oleh para pemberita
selepas mengadakan majlis
tahlil di kediaman Menteri
Besar, Datuk Sri Haji Osman
Ariff, Mentalun dekat sini
malam ini.

Selepas majlis itu, Datuk Sri
Dr. Mahathir mengadakan
perjumpaan tertutup dengan
kesemua para perwakilan
UMNO Negeri Kedah.
Turut hadir di majlis itu ialah
Menteri Wilayah Persekutuan,
Datuk Haji Abu Hassan Omar,
Setiausaha Parlimen
Kementerian Kebudayaan
Belia dan Sukan, Haji Awang
Jabar, Setiausaha Parlimen
Jabatan Perdana Menteri, Raja
Ariffin Raja Sulaiman, ahli
Exco kerajaan serta ketua -
ketua bahagian UMNO.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga
berkata beliau berpuas hati
terhadap sokongan yang
diberikan oleh para
perwakilan UMNO semasa
beliau mengadakan
perjumpaan di negeri - negeri
yang dilawati setakat ini.
Bagaimanapun katanya,
beliau tidak tahu hati
perwakilan dan ianya akan
diputuskan pada 24 April.